



---

---

**LATIHAN Mencari dan Menyelamat Peringkat Asia  
"ASEAN SAREX 06" di Pelabuhan Klang**

---

---

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.  
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,  
Nelayan-Nelayan, Pengusaha Bot dan Semua Pihak Yang Berkaitan.  
Tarikh : 8 November 2006.

---

Dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui agensi pelaksanaNya, Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) akan menganjurkan satu latihan mencari dan menyelamat peringkat Asia "ASEAN SAREX 06" yang akan diadakan di perairan Pelabuhan Klang di antara Jeti Pusat Hidrografi Nasional TLDM dan Jeti Star Cruise di Pulau Indah pada **14-16 November 2006**. Perlu dimaklumkan juga bahawa antara acara Latihan "SAREX ASEAN 06" itu adalah demonstrasi "winching" oleh para anggota PASKAU TUDM pada 16 November 2006, yang bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Lokasi acara itu adalah pada kedudukan Latitud 02° 59.85' Utara dan Longitud 101° 20.85' Timur, dengan jangkaun kawasan latihan yang meliputi radius maksimum 365 meter.

2. Bagi tujuan itu, satu raptai penuh akan diadakan pada **10 November 2006 (Jumaat)** mulai dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari di lokasi yang sama.
3. Sehubungan dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan terlibat dan di mana praktikal serta selamat, mestilah mengelak dari memasuki kawasan itu semasa tempoh latihan/demonstrasi.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( MOHD SANI BIN ROSLI )**  
b.p. Pegawai Pelabuhan,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,  
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
  - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
  - (iii) Pengurus Besar (Bahagian Kawalselia),  
Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK).
  - (iv) Unit Perkhidmatan Trafik Maritim,  
Bahagian Keselamatan Pelayaran,  
Ibu Pejabat Laut.
  - (v) Pengarah Perikanan Negeri Selangor.